



## **IKLAN JAWATAN KOSONG**

**Jawatan** : **PENOLONG JURUTERA GRED JA29**

**Kumpulan** : Sokongan

**Taraf Jawatan** : Kontrak

**Jadual Gaji** :

<b>Gaji Minimum</b>	<b>Gaji Maksimum</b>	<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b>
RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00

### **SYARAT LANTIKAN :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - a. warganegara Malaysia;
  - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - c. sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
  - d. diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji Permulaan pada Gred JA29 : RM1,935.02)

### **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

## **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - a. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
  - b. lulus Peperiksaan Khas; dan
  - c. had umur pelantikan:
    - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan antaranya kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik iaitu mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pengawasan pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu kerja-kerja perundingan dan penyediaan sebutharga dan tender, menjalankan kerja penyenggaraan bangunan dan workshop, melaksanakan kerja-kerja kawalan, pengujian, penyenggaraan berkala peralatan elektrik, merancang dan menyusun aktiviti bagi mengawal selia sistem pengairan dan saluran serta menjalankan tugas-tugas yang berkaitan.

- **Nota :**
  - **Keutamaan diberi kepada calon yang berpengalaman dalam bidang berkaitan lebih dari dua (2) tahun.**